

SEKATA



*Bahasa Baku Sebagai Simbol Tamadun
Bangsa Yang Belum Dapat Disatukan*

Teknologi Maklumat Dalam Pengajaran Sastera

*Ilmu Dan Pengalaman Pendukung Gagasan
Elita Kesasterawanan Melayu Singapura*

*Sastera Sebagai Alat Memantau Kepentingan
Sejarah Dan Perkembangan Masa kini*

*Islam Dan Puisi: Satu Pencarian Jati Diri
(Pengenalan Ringkas)*

Kandungan

Dari Pengarang.....	>> 02
Majlis Bahasa Melayu Singapura 2002-2004	>> 03
Sidang Editor.....	>> 03
Bahasa Baku Sebagai Simbol Tamadun Bangsa Yang Belum Dapat Disatukan.....	>> 04
Teknologi Maklumat Dalam Pengajaran Sastera...	>>10
Ilmu Dan Pengalaman Pendukung Gagasan Elita Kesasterawanan Melayu Singapura.....	>>18
Sastera Sebagai Alat Memantau Kepentingan Sejarah Dan Perkembangan Masa kini.....	>> 24
Islam Dan Puisi: Satu Pencarian Jati Diri (Pengenalan Ringkas).....	>>28

Dari Pengarang

Sastera merupakan bahagian penting persuratan. Bahkan pada masa dulu, persuratan dan sastera adalah seerti. Hari ini persuratan meliputi aspek karang-mengarang yang luas, termasuk yang bersifat saintifik atau bukan cereka.

Dalam keluaran kali ini, kami cuba mengutarakan dua esei mengenai hubungan sastera dan pembangunan bahasa Melayu.

Umumnya sudah diterima bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu perlu melibatkan sastera. Jika tidak, proses menimba ilmu bahasa di kalangan pelajar akan terasa hambar.

Namun berdepan dengan kepesatan teknologi maklumat, guru perlu lebih cekap untuk memastikan sastera dapat disampaikan dengan lebih kreatif.

Lazimnya pecinta sastera atau setidak-tidaknya orang yang suka membaca karya sastera Melayu, akan sekaligus menjadi pendukung bahasa. Aspek ini juga pernah dikupas ketika konsep elit budaya Melayu dicerna dan kini sedang diusahakan oleh Majlis Bahasa Melayu.

Perkembangan sastera Melayu juga kian menonjolkan unsur-unsur Islam. Hal ini memang tidak dapat dielakkan dan sudah berlaku lama sejak abad ke-11 Masehi. Namun di manakah batas yang dinamakan sastera Islam dengan sastera penuh pengucapan universal? Ini merupakan satu persoalan segar sepanjang masa.

Sekata akan cuba meninjau dengan lebih luas pelbagai aspek kebahasaan. Ini termasuklah usaha ke arah memertabatkan bahasa baku sebagai bahasa supranasional atau tamadun rumpun Melayu Asia Tenggara.

Kami senantiasa mengalu-alukan ulasan dan sumbangan pembaca. Amat diharapkan agar esei atau karangan anda dapat ditulis dengan bahasa yang mudah difahami.

Walaupun *Sekata* cuba berperanan sebagai jurnal kemajuan dan pengembangan bahasa, namun ia juga cuba mendampingi guru atau pelajar maktab rendah.

Kami menyambut baik esei ilmiah yang dapat memberikan petunjuk atau mencetuskan kesedaran berfikir dan merenung permasalahan dan cabaran persuratan Melayu dan huraianannya. – sekali bah, sekali pantai berubah.

Semoga keluaran kali ini merangsang anda.

Editor

MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA

2002 - 2004

Anggota

Pengerusi	:	Yatiman Yusof	
Timbalan Pengerusi	:	Hawazi Daipi	
Naib Pengerusi	:	Prof Madya Shaharuddin Maaruf	
Setiausaha	:	Mohamed Pitchay Gani bin Mohamed Abdul Aziz	
Penolong Setiausaha	:	Mohd Agos bin Atan	
Bendahari	:	Masran Sabran	
Jawatankuasa	:	Harun A Ghani Ibrahim Hassan Mohd Naim Daipi Dewani Abbas Rhazaly Noentil Pairah Satariman	Isa Kamari Ma'mun H M F Suheimi Dr Hadijah Rahmat Zakiah Halim Norulashikin Jamain
Dewan Penasihat	:	Yatiman Yusof (Pengerusi) Muhammad Ariff Ahmad Dr Liaw Yock Fang Wan Hussin Zoohri	Sidek Saniff Masuri S N Ghani Hamid Dr Kamsiah Abdullah

Sidang Editor

Penasihat

Haji Muhd Ariff Ahmad (Mas)
Haji Masuri Salikum (Masuri SN)

Editor

Isa Kamari

Penata Susun

Mohamed Pitchay Gani bin Mohamed Abdul Aziz

Kewangan

Drs Masran Sabran

BAHASA BAKU SEBAGAI SIMBOL TAMADUN BANGSA YANG BELUM DAPAT DISATUKAN

oleh Dr Paitoon M. Chaiyanara*

BERBAHASA Melayu baku (disebut *bahasa baku* saja) dengan fasih dan tepat memanglah tidak mudah sebagaimana diduga orang. Bahkan dalam dialog biasa, seringkali orang tidak dapat menggunakan bahasa baku sebaik-baiknya, sama ada sebutan atau tatabahasa.

Masyarakat Melayu Singapura mengamalkan dwibahasa. Mereka sering menghadapi kesukaran dalam menghilangkan pertukaran kod di antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika berbahasa ibunda. Pengaruh tersebut dapat dikesan dengan jelas terutama dalam pidato orang kenamaan atau tertentu walau mereka berusaha untuk bertutur bahasa Melayu baku yang sempurna. Dari segi pengujaran bunyi pula, didapati kesinambungan bunyi-bunyi tertentu yang dilafazkan semakin tidak konsisten. Ungkapan-ungkapan yang diakhiri dengan bunyi "a" misalnya, terkadang tidak tekal (konsisten) jika dibandingkan penyampaian yang dilafazkan pada peringkat awal, peringkat pertengahan dan peringkat akhir pidatonya.

TIDAK TEKAL

Ketidaktekalan ini jika dikaji secara akustik didapati berpunca daripada kebiasaan pemakaian sistem artikulasi masing-masing

yang sudah terbentuk sejak peringkat awal sehinggalah ia menjejaskan keupayaan si penutur ketika cuba membetulkan sebutan tabiinya menjadi sebutan baku.

Usaha para pemedato atasan di Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura dalam mengintegrasikan sebutan masing-masing menuju ke sebutan baku dapat dianggap sebagai satu usaha yang harus disanjung. Pada satu tahap pemikiran, mereka ini cukup menyedari bahawa setelah warga Melayu di rantau ini menguasai sistem sebutan baku, maka ia mengangkat kewibawaan atau martabat rumpun Melayu setanding peradaban lain.

Para bahasawan rantau ini, khususnya di Indonesia dan Malaysia, seakan-akan sekata bahawa perkembangan selari antara bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia yang terkawal dapat dijadikan teladan bagi rumpun bangsa lain di Asia dan Afrika.

Memang ada keinginan mempertemu bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang berasal daripada induk yang sama itu agar menjadi bentuk yang lebih terselaraskan atau baku malah moden untuk ditarafkan sebagai bahasa supranasional. Inilah impian yang sentiasa dibangkitkan oleh para bahasawan rantau ini.

Hari ini sudah sedekad sejak pelancaran bahasa baku. Pembakuan tatabahasa yang mengandungi bidang morfologi dan sintaksis menunjukkan hasil yang cukup memuaskan. Turut meningkat ialah korpus atau kosa kata dan istilah moden yang berpotensi menjadikan bahasa Melayu baku sebagai bahasa supranasional di rantau ini.

Bahasa Melayu sudah terbukti dapat menjadi bahasa pengantar dalam bidang sastera (*arts*) sehinggalah sains dan teknologi di institusi pengajian tinggi.

BATAS KEPEKAAN

Dari segi sistem sebutan atau fonologi, tidak dapat dinafikan bahawa sebutan di rumpun Melayu Nusantara memanglah berbagai ragam. Setiap penutur peka akan loghat masing-masing. Hal ini dimaklumi secara peka oleh para bahasawan. Sayangnya, kepekaan ini bukan menolong, tetapi menghambat penyelarasan bahasa baku.

Kepekaan tersebut boleh jadi terbentuk daripada beberapa laras seperti berikut:-

(1) **Dialek** yang dibentuk oleh geografi atau kedudukan tempat seperti dialek Minang, dialek Kelantan dan sebagai.

(2) **Idiolek** yang difahamkan sebagai laras bahasa perseorangan seperti ada orang yang tidak boleh menyebut 'r' (misalnya, *orang*) tetapi 'gh' (seperti *oghang*).

(3) **Sosiolek** yang muncul kerana berlaku interaksi antara penutur yang mempunyai latar belakang berbeza di segi pendidikan dan jenis pekerjaan. Misalnya pemilihan kata

'isteri' bagi golongan atasan dan 'bini' bagi golongan bawahan.

(4) **Fungsiolek** — hubungan antara analogi (persamaan dan perbezaan) dengan sosiolek disebabkan yang menentukan kelarasannya adalah fungsi berbahasa. Misalnya 'kelamin' digunakan di Malaysia dengan maksud 'keluarga', tetapi di Indonesia bererti kemaluan.

(5) **Kronolek** — berkaitan dengan waktu atau jangka masa penggunaan laras bahasa, misalnya *sasterawan* dimaksudkan sebagai *ahli nujum*, tetapi mulai 1950-an ia bermaksud *penulis kreatif*.

PECAHAN KESILAPAN

Berdasarkan punca yang berpengaruh ke atas pembelajaran bahasa, maka pada umumnya kesalahan pengguna bahasa dapat dipecahkan seperti berikut:-

- Kesalahan kognitif
- Kesalahan psikomotorik
- Kesalahan afektif
- Kesalahan biologi

Kesalahan kognitif berlaku ketika seseorang pelajar berikhtiar untuk mengetahui sesuatu hal dalam bahasa yang sedang dipelajarinya. Misalnya, pada tahap permulaan, beberapa orang pelajar belum faham isi pelajaran. Ini kerana ada perkara yang terlepas daripada pengawalan atau bantuan guru untuk menyempurnakan pelajaran berkenaan. Bantuan bagi bahagian terlepas itu termasuklah penjelasan tambahan yang disertai contoh-contoh demi membolehkan pemahaman sepenuhnya.

Kesalahan psikomotorik pula berlaku apabila pelajar berkenaan hendak menerapkan unsur bahasa yang telah dipelajari atau diketahui sebelumnya. Kesalahan ini berlaku kerana pelajar belum biasa dengan unsur-unsur berkenaan ketika berkomunikasi. Seringkali kesalahan seperti ini menghasilkan penggunaan frasa, sukatata atau bunyi yang tidak sengaja disebut. Dengan kata lain, kesalahan psikomotorik ini pada umumnya disebabkan adanya bentuk interferensi (gangguan) dari apa yang telah difahami dan diketahui pelajar berkenaan.

Gambaran ini jelas dapat dilihat dalam kelas bahasa asing, misalnya. Ketika mula mempelajari bahasa asing, didapati murid masih menggunakan ucapan-ucapan bahasa ibunda untuk kata-kata dalam bahasa asing, Malahan binaan ayat bahasa ibunda digunakan untuk menyatakan sesuatu di dalam bahasa asing. Kadangkala didapati pengaruh aturan wacana dilimpahkan ke dalam penggunaan bahasa asing.

Sebaliknya, ketika bertutur dalam bahasa ibunda, pelajar tadi sering terpakai ucapan asing. Kesalahan seperti ini juga disebabkan bentuk interferensi yang baru sahaja dikuasai pelajar. Untuk mengatasi masalah pengaruh bentuk interferensi tersebut, pelajar berkenaan harus banyak berlatih agar tidak mengulangi kesalahan sedemikian.

Kesalahan afektif berlaku ketika pelajar kurang bersungguh-sungguh mempelajari bahasa. Hal ini memang sukar dianalisis. Walau bagaimanapun, jelas kesalahan yang sama sering berulang dan

menunjukkan penguasaan bahasa yang kurang konsisten. Puncanya ialah kurang motivasi belajar dan ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:-

- (1) **Guru** : Pelajar tidak menyukai gurunya.
- (2) **Bahasa**: Pelajar kurang memahami manfaat bahasa yang dipelajari kepada dirinya.
- (3) **Suasana**: Suasana kelasnya kurang baik seperti alat bantu mengajar tidak sempurna.
- (4) **Persaingan**: Teman sedarjahnya tidak bermotivasi sehingga lesu semangat untuk belajar bahasa.
- (5) **Orang perseorangan** : Pelajar kurang mendapatkan penghargaan daripada orang-orang perseorangan.
- (6) **Penilaian**: Sistem penilaian tidak sesuai dengan matlamat yang ditetapkan.

Kesalahan biologik berlaku kerana gangguan fizikal atau mental pada kesihatan pelajar sehingga terjejas tumpuannya terhadap pembelajarannya. Sebagaimana kesalahan afektif, bentuk kesalahan biologik juga sukar dianalisis. Ini disebabkan seringkali terdapat data kesalahan yang bentuknya tidak menentu.

PENGARUH PERKEMBANGAN BAHASA

Pengaruh lain yang turut menimbulkan kesalahan bahasa ialah perkembangan bahasa itu sendiri. Perubahan dan perkembangan bahasa yang pesat boleh membingungkan orang ramai, terutama mereka yang tidak atau

kurang terlibat dalam bidang kebahasaan pada kehidupan hariannya. Semakin banyak perubahan bahasa, semakin banyak pula kekeliruan timbul. Ini kerana mereka tidak tahu atau tidak dapat membezakan sebutan, ejaan dan istilah yang betul dan salah.

Dari segi kesan geografi linguistik, memang ketara kelainan antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Berikut adalah beberapa contoh kelainan terjemahan antara bahasa Melayu dan Indonesia – bukan saja larasnya berbeza, bahkan kosa kata sama sekali sukar untuk disatukan.

Bahasa Indonesia

Bahasa Melayu

I believe that this government should not be supported by the people.	
<i>Saya percaya bahwa pemerintah ini seharusnya tidak didukung masyarakat.</i>	<i>Saya percaya bahawa kerajaan ini tidak sepatutnya disokong masyarakat.</i>

The smart ones get high grades.	
<i>Si pandai dapat nilai yang tinggi.</i>	<i>Si pandai dapat markah tinggi.</i>

When the husband returned, the woman refused to open the locked door.	
<i>Ketika suami itu kembali, si perempuan menolak buka pintu yang sudah terkunci.</i>	<i>Bila suami itu balik, si perempuan enggan buka pintu yang sudah terkunci.</i>

When the boy bought a diamond ring and said he was going to marry without further discussion, their parents felt offended.	
<i>Ketika sang pemuda membeli cincin berlian dan bilang dia mau kawin tanpa pembicaraan lebih terperinci, orang tuanya merasa tersinggung.</i>	<i>Apabila si pemuda membeli cincin berlian dan berkata dia mau kahwin tanpa perbincangan lebih lanjut, ibu bapanya rasa tersinggung.</i>

History courses are difficult.	
<i>Kursus sejarah sulit.</i>	<i>Kursus sejarah susah.</i>

Choose the cheap ones now. We'll buy the expensive ones at another time.

Pilih yang murah sekarang. Yang mahal, lain kali saja kita beli.

Pilihlah yang murah sekarang. Yang mahal, lain kalilah kita beli.

Vote in the coming elections. Everyone should take part in the selection of government representatives.

Mengundi pada **pemilu** akan datang. Semua orang **harus ikut serta** dalam pemilihan wakil **pemerintah**.

Mengundi pada **pilihan raya** akan datang. Semua orang **patut mengambil bahagian** dalam pemilihan wakil **kerajaan**.

I don't remember what time my uncle is arriving.

Saya tidak ingat **jam berapa** paman saya mau datang.

Saya tidak ingat **pukul berapa** pakcik saya hendak datang.

The money given by the public was not enough.

Uang yang diberi oleh **orang banyak** tidak cukup.

Wang derma **orang ramai** tidak cukup.

The unity of groups which have different languages is difficult to achieve.

Kesatuan **kelompok-kelompok** yang mempunyai bahasa yang **berbeda sulit** untuk dicapai.

Kesatuan **kaum-kaum** yang mempunyai bahasa yang **berlainan susah** hendak dicapai

I was able to take the nine-thirty bus. Because of that, I wasn't in time for my class. What time did that class begin?

Saya tidak **bisa** naik **bis** yang **jam setengah sepuluh**. Karena itu, saya tidak sempat masuk **kuliah**. **Kuliah** tadi **mulai jam** berapa?

Saya tak **dapat** naik **bas** pada **pukul sembilan setengah**. Sebab itu saya tak sempat masuk **kelas**. **Kelas** tadi **mula pukul** berapa?

The dirty dishes, cups and bowls have been on the kitchen table for a long time and are begining to smell.

Piring, cangkir dan mangkuk yang kotor sudah lama ada di atas meja dapur dan **mulai** berbau.

Pinggan, cawan dan mangkuk kotor yang sudah lama berada di atas meja dapur itu mula berbau.

Please clean up the room. In a short time the guests are coming.

Tolong **merapikan kamar**. Tidak lama lagi ada tamu datang.

Tolong **kemaskan bilik**. Tidak lama lagi ada tamu datang.

Dr. Paitoon M. Chaiyanara ialah penolong Profesor di kumpulan Akademik Bahasa, Sastera dan Budaya Asia, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang. Beliau pernah menjadi pensyarah di Malaysia, Brunei dan Thailand dan pernah menjadi pegawai penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM PENGAJARAN SASTERA

oleh Siti Khalidah Mohd Jamil*

KURUN Masehi ke 21 dicirikan oleh pensejagatan (globalisasi) dan ledakan teknologi maklumat (TM).

TM sering dikaitkan dengan penggunaan digital dalam aktiviti manusia untuk memudahkan komunikasi atau dalam menjalankan tugas, khususnya pemanfaatan komputer dan internet. Yang demikian, pertumbuhan pesat penggunaan TM turut mempengaruhi dunia ilmu dan pendidikan. Makalah ini menyorot kesesuaian penerapan TM ke dalam pengajaran dan pembelajaran sastera dan juga membentangkan faedah dan masalah yang bersangkutan dengannya.

Penggunaan TM Dalam Sistem Pendidikan Singapura

Penggunaan TM dalam pendidikan telah menjadi satu seruan dan persaingan antarabangsa. Begitulah juga di Singapura, pemerintah telah mengumumkan rancangan Induk TM untuk sekolah pada tahun 1997 dengan peruntukan S\$2 billion. Pada akhir rancangan 6 tahun, semua sekolah di Singapura akan menggunakan TM bagi perancangan, pengajaran, penilaian dan

perhubungan. Pada tahun 1995 pula, 14 maktab rendah dan 24 sekolah menengah mempunyai capaian ke Internet, dan angka ini kian meningkat setiap tahun.¹

Implikasi TM ke atas Pendidikan

Menurut Awang Had Salleh, "*teknologi pendidikan ialah aplikasi yang kreatif daripada sains untuk tujuan atau keperluan praktikal dalam bidang pendidikan*".² Omar Mohd Hashim pula melihat teknologi pendidikan sebagai satu pendekatan yang sistematik untuk pendidikan, dan menitikberatkan perancangan yang teliti dalam menentukan objektif, kaedah, isi dan prosedur pengajaran. Menurutnya:

*"Teknologi Pendidikan juga memerlukan kita membuat pilihan yang saksama dalam menentukan jenis alat, bahan dan sumber manusia yang sesuai digunakan, dengan mengambil kira keperluan pelajar-pelajar yang menjadi sasaran pengajaran kita. Pendek kata, Teknologi Pendidikan adalah satu falsafah untuk mencapai keberkesanan dalam bidang pendidikan."*³

Dalam kertas kerjanya pula, Norizan Abdul Razak menyifatkan teknologi pendidikan sebagai:

*"Satu transformasi pendidikan dari berbentuk konvensional di mana guru dan buku teks adalah sumber maklumat dan pemberi maklumat kepada bentuk maya iaitu menggunakan TM yakni peralatan teknologi komunikasi atau sistem rangkaian elektronik dan komputer yang digunakan untuk mengumpul, menyimpan, memproses, menyalur dan menyampaikan maklumat kepada pelajar".*⁴

Dalam era berteras ilmu kini, semestinya sistem pendidikan diperkemas dan dipertingkat agar selaras dengan tuntutan perkembangan semasa. Institusi pendidikan haruslah dapat melahirkan pelajar yang menjadi pengguna aktif dalam era TM.

Dengan ledakan ilmu yang begitu pesat, adalah mustahil bagi guru untuk menyampaikan ilmu secara menyeluruh – guru memberikan yang asas sementara cabarannya dalam mendidik ialah bagaimana hendak melengkapi murid dengan kemahiran yang penting bagi tujuan untuk menuntut ilmu pengetahuan dengan usaha sendiri dalam zaman sains dan teknologi ini.

TM dalam pengajaran merangkumi aplikasi komputer yang membantu dalam pemprosesan perkataan (contohnya *Word*) dan meliputi pangkalan data (contohnya *Dbase*, *Access*), paparan elektronik (contohnya *Excel*), persembahan grafik (contohnya *Powerpoint*), perisian multimedia dalam bentuk CD-ROM dan alat-alat lain yang

menggunakan audio dan visual untuk menyampaikan sesuatu. Internet pula boleh dianggap sebagai alat pembelajaran yang boleh disepadukan dalam bidang kurikulum. Sebagai "lebuhraya" maklumat, ianya dapat membantu pelajar dalam menghasilkan kerja projek dan sebagainya. Pelbagai maklumat boleh didapati di Internet dengan lebih terkini, menyeluruh dan pantas berbanding dengan dari buku teks. Pengumpulan maklumat dari internet lebih mudah, informatif dan menyeronokkan (kesan rangsangan multimedia) dan membolehkan pelajar mengawal capaian maklumat yang paling relevan dengan keperluan mereka, dan penguasaan penggunaannya menghasilkan pelajar yang berdikari dan dinamik.

TM dan Kesan ke atas Sastera

Menyingkap lembaran sejarah, kita dapat melihat evolusi kesusasteraan Melayu di mana ia bermula dari bentuk lisan atau naratif dan kemudian beranjak ke bentuk tulisan dan seterusnya cetakan. Ia telah menunjukkan kecenderungan untuk bergerak mengikut masa. Jelaslah secara semulajadi sastera Melayu akan berupaya menghadapi alaf ke-21 dengan memasuki ruangan maya. Ini akan membuka laluan baru kepada sastera Melayu seiring dengan perkembangan teknologi elektronik baru. Demi penakatannya dalam perubahan masa dan perkembangan pesat teknologi, format karya sastera harus dipelbagaikan. Menformatkan karya cetak di media elektronik dan menyalurkannya ke dalam internet dapat membantu dalam penakatan dan pensejagatan karya-karya sastera.

¹ S. Gopinathan and Ho Wah Kam, 'Educational Change and Development in Singapore' dalam T. Townsend and Y.C Cheng (eds), *Educational Change and Development in the Asia-Pacific Region: Challenges for the Future*, pp163-184, Lisse, The Netherlands: Swets and Zeitlinger, ms 171

² Awang Had Salleh, 'Teknologi Dalam Pendidikan', dalam *Dewan Masyarakat*, Ogos 23(8), ms 40

³ Omar Mohd Hashim, *Pendidikan: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*, DBP 1993, ms 348

⁴ Norizan Abdul Razak, 'Pengajaran Bahasa Melayu di Alaf 21', Fakulti Pengajian Bahasa, UKM

Selain menolong menyebarkan karya sastra secara elektronik, proses mendigitasikan karya dan data sastra juga mempunyai fungsi penting melengkapkan koleksi perpustakaan dengan mudah. Ia memelihara teks-teks klasik dan dengan adanya pangkalan data yang boleh dicapai dari mana-mana, adalah lebih mudah untuk mendekatkan diri dan menyelidik sastra. Perpustakaan Negara Malaysia dan Universiti Nasional Australia mempunyai koleksi teks sastra klasik dalam talian dan dalam perancangan juga ialah penyertaan maklumat tentang teks-teks ini dan juga fail audio pembacaan petikan teks.⁵

Namun begitu, satu kesan ketara penulisan TM ke atas sastra ialah soal daya tarikan antara cetak dan multimedia. Ada tanggapan bahawa sastra cetak mungkin kian kurang daya tarikannya kerana generasi muda lebih senang 'membaca' secara elektronik. Namun tinjauan setakat ini menunjukkan tren belum meluas.

Generasi muda yang dibesarkan dengan kehadiran televisyen, komputer dan internet dikatakan tidak begitu tertarik dengan cara penyampaian dan penerimaan karya sastra secara linear, satu hala yang bersifat pasif. Jadi, sejauh mana teks sastra dapat menarik minat generasi baru bergantung kepada nilai tambahan kreativiti baru. Multimedia lebih menarik kerana dapat menggabungkan teks dengan persembahan grafiks, suara penyampai dan kesan bunyi yang hebat. Ia juga membuka laluan untuk kaedah pendidikan yang memberi peluang untuk berinteraksi secara dua hala. Sesungguhnya

ledakan TM dapat menjejaskan penerbitan buku ekoran perubahan cita rasa pembaca.

Menerapkan TM Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sastra

TM mempunyai potensi besar dalam memantapkan kesusasteraan Melayu. Ia berupaya menjadi alat untuk memperkembangkan pengajian Melayu dan mempertingkatkan pengajaran sastra Melayu. Guru sastra haruslah dapat menguasai TM demi menjayakan profesinya.

Kaedah pengajaran yang melibatkan komunikasi sehalu dianggap pasif kerana kesannya amat terbatas. Guru harus bersikap pro-aktif dan kreatif dalam pengajaran untuk membolehkan pelajar memahami dan menghayati karya sastra yang diajar. Beberapa faedah boleh dimanfaatkan dari penerapan TM dalam pengajaran dan pembelajaran sastra:

1. Pembelajaran secara interaksi dan berkumpulan

Teknik belajar berkumpulan sememangnya melibatkan pelajar dalam satu kumpulan yang bekerjasama untuk mencapai maklumat tertentu atau untuk menyempurnakan suatu projek. Jadi, penyertaan setiap anggota kumpulan amat genting demi kejayaan tugas. Teknik pembelajaran cara ini dapat mewujudkan satu situasi individu bekerja bersama-sama dalam kumpulan kecil bagi memaksimumkan proses pembelajaran semua anggota.

Menurut teori pembangunan Vygotsky, interaksi di kalangan pelajar dalam tugas pembelajaran dapat meningkatkan pencapaian pelajar apabila setiap pelajar saling mempelajari dari rakan yang lain. Dalam perbincangan, konflik kognisi akan berlaku — hujah lemah akan didedahkan dan persefahaman yang tinggi akan tercetus. Setiap kumpulan akan bersama-sama mempertahankan hujahnya.

Dalam konteks pembelajaran sastra yang disokong dengan penggunaan TM, proses interaksi melalui komputer menuntut pelajar untuk memproses arahan atau maklumat, berfikir secara kritikal dalam memilih maklumat yang relevan dan kemudian bersifat kreatif dalam memberikan tindak balas selanjutnya berdasarkan maklumat dan bahan-bahan yang didapati.

Contoh: Guru memberikan tugas kepada murid secara berkumpulan. Setiap kumpulan harus memikirkan interpretasi mereka tentang sebuah puisi dan mengintegrasikan persembahannya dalam bentuk komunikatif dan maya dengan menggunakan alat-alat TM yang ada misalnya mencipta persembahan Powerpoint atau mencipta sebuah laman Internet yang mempersembah puisi berbentuk interaktif dan multimedia.

2. Persembahan bahan pengajaran dalam bentuk multimedia

Pembelajaran sastra tentulah akan menjadi lebih menarik, bermakna dan produktif melalui penggunaan bahan

multimedia ini. Ini dimungkinkan oleh keupayaan multimedia mengintegrasikan kesan bunyi, gambar, suara, sedutan filem dan teks dalam bentuk untuk mewujudkan sekitaran baru yang mampu merangsang kreativiti dan daya pemikiran pelajar.

Perisian atau laman internet membolehkan pelajar mendengar sebuah sajak dideklamasikan atau bentuk sastra klasik dibaca atau dideklamasikan. Ini dapat membawa pelajar ke suatu dimensi penghayatan yang mungkin tidak boleh dicapai hanya dengan membaca karya dalam bentuk cetak.

Madah Pendeta Confucius — "*Saya dengar dan saya lupa. Saya lihat dan saya ingat. Saya buat dan saya faham*"⁶ — dikuatkan oleh hasil penyelidikan yang mendapati bahawa seseorang itu memahami 20% yang didengar, kira-kira 30% yang dilihat dan kira-kira 60% yang dibuatnya. Pada natijahnya, penggunaan TM dalam bentuk multimedia dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sastra kerana murid diberikan input bahasa dan sastra yang kaya, di samping menggunakan ketiga-tiga pancainderanya (deria mata, telinga dan sentuhan) dengan aktif.

3. Belajar sendiri

Satu faedah mempelajari sastra dengan menggunakan TM ialah kebebasan yang dijanjikan oleh alat-alat belajar TM. Ia membolehkan pembelajaran berkendiri atau bebas daripada konteks bilik darjah atau

⁵ sila rujuk ke laman koleksi manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia di <http://www.pnm.my/kol-man.htm> dan laman Raimy Che Ross di <http://rubens.anu.edu.au/student/projects/malay/submission1.html>

⁶ dipetik dari laman www.thatquote.com

pengajaran formal.

Pelajar boleh mengikuti pengajaran dan membuat kajian sendiri di mana jua tempat yang ada perkakasan dan perisian yang sesuai dan talian internet dan mempunyai sekitaran selesa untuk belajar. Pelajar boleh memikirkan isu dan mencari maklumat pada masa dan rentak masing-masing.

4. *Perubahan budaya pengajaran dan pembelajaran*

Dengan penggunaan TM yang meluas dalam pengajaran sastera, peranan guru tidak terhad sekadar pemberi ilmu tetapi sebagai pemudahcara (*facilitator*). Dalam pengendalian kelas sastera dengan bantuan TM, guru membantu pelajar mencari maklumat, menyusur laman internet yang berkaitan dan menggunakan maklumat yang tersedia untuk menyelesaikan masalah.

Dengan perubahan peranan guru, ia tidak perlu bersama dengan pelajar sepanjang tempoh subjek sastera. Misalnya, jika kelas sastera mengambil masa enam jam seminggu, mungkin guru hadir dan mengajar secara formal selama tiga hingga empat jam seminggu. Lebihan waktu subjek sastera digunakan oleh pelajar mengikuti pembelajaran berbantuan komputer bersama-sama guru sebagai pemudahcara di makmal komputer. Atau ia boleh belajar sendiri.

Berdasarkan inisiatif terbaru pendidikan di Singapura, pelajar akan diberi masa untuk membuat projek secara berkumpulan dalam masa kurikulum. Ini

bermakna pelajar sastera juga boleh membuat perbincangan dan pencarian maklumat dengan menggunakan sumber-sumber TM yang ada di makmal secara sendiri.

5. *Perkongsian informasi dan alat mengajar*

Guru boleh memanfaatkan rangkaian WWW pada internet bagi menonjolkan hasil kerja pelajar. Iaitu, hasil kerja pelajar yang terbaik (dalam bentuk apa pun; karya, tulisan, multimedia) dipaparkan dalam internet. Langkah ini akan memudahkan perkongsian bahan melalui internet. Fenomena ini disebut juga "bilik darjah tanpa sempadan". Internet membolehkan kita membina rangkaian pembelajaran yang utuh dengan institusi-institusi pendidikan dan guru serata dunia. Ini membuka peluang pembelajaran yang baru. Pangkalan data sumber bahan pengajaran dapat dikongsi bersama untuk memperbaiki lagi mutu pengajaran guru.

Apabila kecil saiz kumpulan atau forum diskusi elektronik, ia dapat lebih mudah menggunakan aplikasi penting dalam pertukaran idea dan pendapat. Sama ada dalam skala bilik darjah atau seluruh dunia, guru dapat menggunakan forum ini sebagai wadah murid mengutarakan pendapat dan cerakinannya terhadap sesuatu isu dalam perbincangan sastera. Dalam konteks kelas sastera, perbincangan khusus tentang teks yang dipelajari. Dalam konteks forum umum, pelajar akan didedahkan kepada pandangan yang mungkin lebih tinggi tahapnya. Langkah ini dapat meningkatkan daya pemikiran kritis, dan juga mempertingkatkan kemahiran menulis.

Permasalahan

Dalam keghairahan mengupas faedah-faedah yang boleh dimanfaatkan daripada penggunaan TM dalam pengajaran dan pembelajaran sastera, kita harus sedar akan masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam pelaksanaannya seperti berikut:

1. *Sikap dan penerimaan guru*

Era TM bukan hanya melibatkan reformasi dan perubahan dalam sistem pendidikan; sikap dan penerimaan guru juga utama. Jika minat guru tidak disemai untuk turut serta dalam alam arus perubahan pesat ini, perubahan dalam sistem pendidikan yang diharapkan tidak mungkin berhasil.

Di kalangan guru yang lama mengajar, mungkin ada semacam keengganan dan ketidakyakinan dalam menggunakan TM dalam pengajaran mereka. Ini kerana mungkin mereka masih kurang yakin akan peranan dan keupayaan TM dalam pendidikan dan meragui keberkesannya berbanding dengan kaedah konvensional. Takut teknologi atau eknofobia terutama di kalangan guru-guru lama adalah sesuatu yang harus diatasi

2. *Kemahiran guru*

Pembangunan perisian pendidikan menimbulkan ketidakyakinan dan fobia kepada sesetengah guru. Ada yang menganggap agak sukar atau mustahil bagi guru untuk menguasai bahasa pengaturcaraan (misalnya C++, Visual Basic) bagi

membangunkan perisian mereka sendiri disebabkan oleh sifatnya yang terlalu teknikal.

Masalah ini sebenarnya boleh diatasi dengan adanya alat pengarang (*authoring tools*) yang lebih mudah dan tidak memerlukan tahap pengetahuan teknikal yang tinggi. Banyak leلمان pendidik kini menyediakan alat bantu mencipta pengaturcara dan leلمان internet yang mudah dikendalikan.

Pada natijahnya, guru sastera harus dilengkapi dengan kemahiran lanjutan menggunakan TM selain dari kemahiran aplikasi asas komputer. Mereka seharusnya tidak menjadi pengguna (*end-user* atau *consumer*) semata-mata, tetapi terlibat secara langsung dalam penciptaan perisian komputer atau leلمان internet serta dapat menilai kesesuaian perisian bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

3. *Kesediaan Prasarana*

Di Singapura kini, tiada masalah dari segi kesediaan perkakasan dan talian ke internet sekolah sesudah Rancangan Induk TM dilaksanakan. Cabarannya ialah dari segi perisian.

Pembangunan perisian pendidikan kini diserahkan kepada pihak swasta yang mungkin tidak terlatih dalam pengajaran dan pembelajaran. Lantas timbullah masalah perisian di pasaran yang tidak menepati kehendak pengajaran atau tidak sesuai dengan citarasa guru.

Di segi subjek bahasa dan sastera

Melayu pula, perisian yang ada di pasaran itu masih sedikit. Satu lagi persoalan ialah sejauh mana kekerapan kandungan perisian yang ada dikemaskini dan dipertingkatkan. Teknologi yang berubah pantas pula melapukkan perisian yang dihasilkan hari ini.

Dalam jangka masa panjang, lebih menjimatkan dan berkesan jika guru sendiri membangunkan, mengemaskini dan memantapkan perisian dari masa ke masa. Ini sekaligus juga dapat memastikan perisian tadi relevan untuk pengajaran.

4. *Pertimbangan secara realistik*

Ada kemungkinan kehairahan guru dalam menerapkan TM dalam pengajaran sastera boleh terjejas oleh tuntutan kurikulum dan sistem. Ini kerana di Singapura, penekanan tinggi pada pencapaian dalam peperiksaan mungkin membataskan masa guru untuk menggunakan TM secara maksimum dalam pengajaran mereka. Masa mungkin lebih diperlukan untuk menamatkan kurikulum dan menyediakan murid untuk menjawab soalan peperiksaan.

Kesimpulan

Penggunaan TM dalam pengajaran dan pembelajaran sastera memanglah besar manfaatnya. Banyak lagi keupayaan dan potensinya yang boleh diteroka. Berdasarkan perkembangan teknologi yang berubah pantas, amat penting potensi TM dimanfaatkan semaksimumnya dalam usaha memantap, meningkat dan memperkembangkan pendidikan sastera Melayu. Namun ini

menimbulkan tuntutan besar terhadap peranan guru bahasa/sastera. Iaitu, guru perlu terlibat secara aktif dalam merancang kandungan pembelajaran yang lebih dinamis dan berkesan. Sanggupkah guru menyahut sahutan dan cabaran ini?

TM dalam pendidikan sastera sesungguhnya diperlukan untuk menarik dan merangsang minat murid "generasi elektronik" kini. Dengan pendidikan sastera dengan cara ini, kita mungkin dapat menghasilkan satu generasi yang mahir mengadunkan sastera dan teknologi. Ini dapat memperkaya pelajar dan bidang sastera kerana bertambah bilangan individu yang dapat menghayati dan mendekati sastera dalam bentuk baru.

Selain itu, keberkesanan guru menerapkan TM dalam pengajaran sastera merupakan satu sumbangan besar kepada dunia pendidikan dan kesusasteraan Melayu. Ia memperkaya profesi guru sebagai penyumbang penting dalam pengajaran sastera Melayu dan memajukan sastera agar relevan dengan perubahan masa.

Siti Khalidah Mohd Jamil ialah seorang penulis dan guru pelatih di Institut Pendidikan Kebangsaan Universiti Teknologi Nanyang dan diseliaikan oleh Prof Madya Dr Hadijah Rahmat. Alamat e-melnya: khalidah@asia1.com

Rujukan

Awang Had Salleh, 'Teknologi Dalam Pendidikan', Dewan Masyarakat Ogos 23(8) 1985, ms 40-43

Ding Choo Ming, 'Penghayatan Karya Sastera dalam Era Maklumat', Dewan Budaya, November 19(11) 1997, ms42-44

Fazilah Idris, 'Internet dan Belajar Berkumpulan: Kaedah yang membantu Penyediaan Projek Bahasa Inggeris', Jurnal Dewan Bahasa Jilid 44 Bil.3 Mac 2000, ms 344-354

Norizan Abdul Razak, 'Pengajaran Bahasa Melayu di Alaf 21', Fakulti Bahasa Melayu, Univeristi Kebangsaan Malaysia, dari laman <http://www.geocities.com/Athens/Styx/1349/>

Omar Mohd Hashim, Pendidikan – Persoalan, Penyelesaian dan Harapan, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

S. Gopinathan and Ho Wah Kam, 'Educational Change and Development in Singapore' dalam T. Townsend and Y.C Cheng (eds), Educational Change and Development in the Asia-Pacific Region: Challenges for the Future, ms163-184, Lisse, The Netherlands: Swets and Zeitlinger,

Sallehudin Salim, 'Pendidikan dalam Era TM', Dewan Masyarakat April 35(4) 1997, ms 44-45

Supyan Hussin, 'Pembangunan Perisian Pemelajaran Bahasa Berbantuan Komputer', Jurnal Dewan Bahasa Jilid 44 Bil.3 Mac 2000, ms 358-366

Travers, Elliott, Kratachwill, Littlefield Cook (eds), Educational Psychology, 3rd edition, McGraw Hill, 2000

ILMU DAN PENGALAMAN PENDUKUNG GAGASAN ELITA KESASTERAWANAN MELAYU SINGAPURA

oleh Masuri Salikun

Pentingnya Pembaharuan

USAHA Pemeritah kita baru-baru ini membuat semak-semula pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah, menengah hingga ke peringkat Pengajian Tinggi memanglah wajar kerana bahasa Melayu merupakan salah satu dariapda bahasa dunia yang sedang hidup. (Ia bukan bahasa mati, seperti bahasa Sanskrit dan bahasa Latin yang digunakan sekadar untuk rujukan). Bahasa Melayu digunakan oleh lebih kurang 200 juta manusia. Ia sedang berkembang dengan pesatnya terutama sekali dengan kedudukan negara Singapura yang merupakan sebuah negara kota kosmopolitan, tempat pertembungan lagi bersikap menyendiri. Seperti kata Allahyarham Sutan Takdir Alisyahbana, antara lain :

“Kebudayaan yang menyendiri tidak ubahnya seperti kerbau yang berkubang dalam satu lopak air yang tidak berganti. Air makin hari makin keruh”. (Ertinya kita perlu kesegaran dan pergantian air, agar membolehkan kehidupan atau kebudayaan kita terus bekembang, selaras dengan pencapaian kemajuan umat manusia dari masa ke semasa.)

Gagasan seumpama ini membuktikan perlunya dibuat rombakan dalam pembelajaran bahasa Melayu, agar sesuai dan

dapat melahirkan elita budaya Melayu iaitu dalam bidang ilmuwan, seperti ahli bahasa, ahli perkamusan, kritikawan dan sebagainya. Mereka ini bakal sentiasa mengawasi pengembangan bahasa Melayu, terutama sekali dari segi tatabahasa agar tidak terjadi unsur-unsur yang merosakkan atau merojakkan bahasa. Maka usulan Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan pembelajaran bahasa Melayu lanjutan dengan harapan akan dapat melahirkan para pendidik yang benar-benar kuat penguasaan bahasa Melayunya dan ingin menjadikan profesi perguruan sebagai kerja sepenuh masa, amatlah baik dan murni. Namun demikian, harapan melahirkan elita budaya Melayu yang mengkhusus ke dalam lapangan penulisan sastera kreatif atau imaginatif adalah merupakan soal lain. Ia tidak sama keadaannya dengan melahirkan golongan cerdik pandai yang menguasai bahasa Melayu tinggi secara ilmiah.

Ciri Penulis Karya Kreatif

Seorang pelajar atau mahasiswa boleh dididik menguasai bahasa Melayu unggul dari peringkat sekolah rendah, menengah hingga ke universiti. Dia boleh terus mengkaji dan memperdalam pengajiannya hingga mendapat ijazah sarjana muda, sarjana mahupun doktor falsafah (Phd), secara formal

dan sistematis. Beliau akan menjadi seorang ilmuwan dengan disiplin yang telah dipelajari dan dikaji. Sebaliknya, untuk menjadi seorang penulis karya sastera kreatif atau imaginatif seperti seorang penyajak, cerpenis, novelis dan dramatis tidaklah semestinya lahir dari golongan yang mendapat pendidikan formal, seperti di atas.

Secara umumnya, golongan kelahiran atau kewujudan penulis sastera kreatif atau imaginatif ini lebih banyak bergantung kepada bakat alam semulajadi, minat penuh yang tidak tumpah-tumpah dan kemahuan yang tidak pernah luntur dan api semangat kecintaannya terhadap menghasilkan karya sastera kreatif atau imaginatif iaitu sajak, cerpen, novel dan drama.

Sejak dari dahulu, lebih kurang seratus tahun yang lalu, elita budaya Melayu iaitu yang dimaksudkan sasterawan, tidak lahir dari pendidikan formal ataupun menganggap penulisan sebagai satu profesi untuk menyara kehidupan sehari-hari. Profesinya boleh merupakan seorang guru, anggota polis, posmen; pemburu; wartawan; doktor gigi tetapi mereka ini dapat menghasilkan karya sastera, sama ada berupa sajak, cerpen, novel, drama. Dalam hal ini, mereka menganggapnya lebih merupakan suatu *vocation*; yakni panggilan dari dalam diri atau rohani. Bukan merupakan suatu *profession*. Sebab kesasterawanan penulis karya sastera kreatif atau imaginatif bukanlah boleh diserupakan dengan kerja menghasilkan barangan di kilang iaitu :-

- (i) dengan sekian-sekian pengiraan
- (ii) dengan sekian-sekian bahan
- (iii) dengan sekian-sekian pengurusan,

maka akan lahirlah produk yang diinginkan.

Sebab itu sejarah menunjukkan bahawa biar dalam karya sastera bahasa apa pun di sarwajagat ini, ternyata tidak banyak dapat lahir atau melahirkan sasterawan agung dengan karya-karya sasteranya yang dapat dianggap *masterpiece* dalam segala zaman.

Walaupun begitu, dalam memasuki alaf baru disertai dengan teknologi yang canggih sekarang ini, kita boleh membuat dan merencanakan sesuatu plan induk untuk memungkinkan kita menanamkan benih dan kemudiannya bakal melahirkan tokoh-tokoh elita sastera iaitu sasterawan akan datang yang hidupnya sepenuh masa (bukan secara sambilan, atau hobi) menghasilkan karya sastera kreatif kerana sara hidupnya mantap dan terjamin.

Garispandu Menghasilkan Elita Kesasterawanan Melayu Singapura

Saya berhemat bahawa untuk melahirkan elita Melayu Singapura (di sini yang saya maksudkan tentunya penulis karya kreatif seperti sajak, cerpen, novel, drama) dalam memasuki alaf baru, perkara-perkara berikut boleh dijadikan renungan :

- i Sebagai permulaan dalam pendidikan asas, mereka ini sejak kanak-kanak lagi mengenal dan mencintai bahasa Melayu (bahasa Ibunda). Sebab “BAHASA AKAR BUDAYA.” Adapun yang saya tahu, UNESCO ada mencatatkan bahawa seorang kanak-kanak (tidak kira etniknya) harus lebih dahulu selama empat tahun menerima